

ISU DAN CABARAN PEMBELAJARAN ILMU TAJWID SECARA DALAM TALIAN

ISSUES AND CHALLENGES IN LEARNING TAJWID VIA ONLINE

Duratus Syahirah Mohamad Amir¹

Nur Ratina Matunur Kamal Azmi²

Wan Nur Fatini Wan Mohd Zahid³

Syed Najihuddin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: dura_amir@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: narratina@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: wnfatini@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2023

Revised date : 8-8-2023

Accepted date : 25-9-2023

Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Mohamad Amir, D. S., Kamal Azmi, N. R. M, Wan Mohd Zahid, W. N. F., & Syed Hassan, S. N. (2023). Isu dan cabaran pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 51 - 61.

Abstrak: Cara pengajaran dan pembelajaran ilmu agama seperti ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah telah meluas pada zaman yang canggih ini seiring dengan perkembangan teknologi. Selain pembelajaran Al-Quran, pembelajaran ilmu tajwid pada era ini juga telah diperlebar melalui pembelajaran secara dalam talian sebagai medium yang dapat membantu masyarakat untuk menguasai ilmu ini tanpa batas. Namun tidak dinafikan terdapat isu dan juga cabaran tersendiri ketika belajar secara dalam talian. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis cabaran yang dihadapi oleh pelajar ketika mengikuti pengajian ilmu tajwid secara dalam talian. Jenis kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif melalui soal selidik dengan soalan terbuka terhadap pelajar Universiti Sains Islam Malaysia bagi mengenalpasti cabaran yang mereka hadapi ketika mengikuti pengajian ilmu tajwid secara dalam talian. Hasil kajian ini mendapat terdapat permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh mereka daripada pelbagai aspek seperti contoh kejelasan penyampaian, kemahiran teknologi, tahap kefahaman dan lain-lain. Justeru itu, diharapkan dengan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dan tenaga pengajar untuk menjayakan program pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian dengan lebih baik.

Kata Kunci: Ilmu Tajwid, Pembelajaran Dalam Talian, Cabaran, Teknologi

Abstract: The way of teaching and learning religious knowledge such as fardhu ain and fardhu kifayah has expanded in this sophisticated age along with the development of technology. In addition to learning the Al-Quran, the learning of tajwid in this era has also been expanded through online learning as a medium that can help the community to master this knowledge without limits. But there is no denying that there are issues and also challenges when learning

online. In relation to that, this study aims to analyze the challenges faced by students when studying tajwid online. The type of research method used in this study is a quantitative method through a questionnaire with open questions to the students of Universiti Sains Islam Malaysia to identify the challenges they face when studying tajwid online. The results of this study found that there are problems and challenges faced by them from various aspects such as clarity of delivery, technology skills, level of understanding and others. Therefore, it is hoped that this study can provide benefits to the community and teaching staff to make tajwid knowledge learning programs online better.

Keywords: Science of Tajwid, Online Teaching, Threats, Technology

Pendahuluan

Mempelajari ilmu tajwid merupakan keutamaan tersendiri bagi seorang muslim. Tidak hanya itu, sebahagian ulama menyatakan bahwa ilmu tajwid merupakan semulia-mulia ilmu kerana ia berasal langsung dari Allah SWT. Adapun hukum membaca Al-Qur'an dengan menggunakan aturan tajwid yang betul adalah fardu ain atau merupakan kewajipan peribadi kerana apabila seorang membaca Al-Qur'an dengan tidak menggunakan hukum tajwid, hukumnya adalah berdosa. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji cabaran pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian di kalangan pelajar dimana corak pembelajaran di dunia yang lazimnya secara bersemuka telah berubah kepada norma baru iaitu pembelajaran secara dalam talian. Hal yang demikian turut memberi kesan ke atas perjalanan pembelajaran ilmu tajwid di kebanyakan institusi dan tempat. Pelaksanaan ini jelas mengubah keadaan kebiasaan. Disebabkan oleh pandemik Covid-19, masyarakat global hendaklah segera menukar kebiasaan serta cara hidup sehari-hari mereka. Oleh itu, struktur pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan turut terlibat. Menurut Ngadi (2021), proses PdP secara dalam talian ini memberikan cabaran dan implikasi yang besar kepada pendidik iaitu kestabilan platform pengajaran, kebolehcapaian internet yang baik dan pengurusan emosi.

Kajian ini akan dijalankan secara kuantitatif dengan mengedarkan borang soal jawab atau soalan terbuka sebagai kaedah pengumpulan data iaitu melalui Google Form kepada pelajar-pelajar Universiti Sains Islam Malaysia yang telah melaksanakan pembelajaran ilmu tajwid di dalam talian. Selain itu, soal selidik kepada sebahagian pelajar Universiti Islam Sains Malaysia yang mempelajari ilmu tajwid secara dalam talian akan diedarkan bagi mendapatkan gambaran umum tentang hal ini sebelum mendapatkan hasil keseluruhan jumlah. Sasaran responden yang menjawab soalan jawab ini ialah minimum seramai 50 orang pelajar atau responden. Edaran soal selidik ini dibuat secara dalam talian. Seterusnya, kajian ini juga dilaksanakan dengan tujuan untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari ilmu Tajwid secara dalam talian serta tahap keberkesanan pembelajaran Ilmu Tajwid di kalangan pelajar. Dalam pada masa yang sama, analisis dan kesimpulan akan dibuat daripada hasil soal selidik dari setiap jawapan yang diberikan oleh responden.

Di samping itu, terdapat beberapa objektif yang dijalankan di dalam kajian ini. Antara objektif kajian yang dilaksanakan adalah untuk mengkaji definisi atau maksud ilmu tajwid. Seterusnya, objektif kajian ini juga adalah untuk mengetahui cabaran yang dihadapi pelajar sewaktu pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Ini kerana, pelaksanaan dan mempelajari kelas ilmu Tajwid secara dalam talian bukan sesuatu yang mudah. Banyak faktor yang menjadi isu dalam menjayakan kelas tajwid secara dalam talian tanpa sebarang masalah. Akhir sekali, tahap kefahaman setiap individu adalah berbeza, maka kajian ini dijalankan untuk menganalisis

tahap kefahaman pelajar dan keberkesanan pembelajaran ilmu Tajwid secara dalam talian terhadap mereka. Kaedah PdP secara dalam talian telah didapati bahawa ia merupakan pilihan norma baharu yang terbaik dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan kepada masyarakat buat masa ini. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai kesan positif dan negatif yang boleh dilihat dan diambil perhatian agar penambahbaikan dapat dilakukan di masa hadapan.

Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian di atas, maka objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenal pasti kaedah yang digunakan sewaktu pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian.
- ii. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar semasa pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian.
- iii. Mengetahui sejauh mana kefahaman pelajar terhadap penggunaan ilmu tajwid dalam pembacaan Al-Quran.

Kajian Lepas

Dalam kajian ini akan melibatkan tentang ulasan isu dan cabaran yang akan dihadapi oleh masyarakat dalam mempelajari ilmu tajwid secara dalam talian. Bagi kajian ini akan berpandukan kepada maklumat-maklumat yang diperolehi melalui kajian-kajian literatur yang terdahulu dan maklumat yang berbentuk data atau soal selidik. Rujukan melalui kajian literatur adalah dari kajian-kajian tempatan dan luar negara.

Menurut Anuar Hasin, Norazman Alias dan Zainora Daud (2021) yang telah menjalankan kajian “Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Menurut Perspektif As-Sunnah” menyatakan terdapat kesan menggunakan kaedah ini. Terutamanya dari segi capaian internet yang laju diperlukan ketika sesi belajar kerana ia mempengaruhi kejelasan gambar dan memastikan komunikasi antara guru dan murid dalam talian berjalan lancar. Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi tiada dihalang dari sudut as-Sunnah akan tetapi perlu dipelihara tradisi asal ilmu tajwid.

Selain itu, dalam sebuah kajian yang telah dijalankan oleh Shafina Binti Amba1, Nurazidawati Mohamad Arsyad, Rian Vebrianto, Afiq Budiarwan dan Miftah Audhiha (2021) menyatakan pendidikan mengaji Al-Quran secara dalam talian dapat meningkatkan penguasaan ilmu tajwid akan tetapi tempoh belajar yang tidak efisien untuk mendalami dengan lebih baik dari sudut hukum tajwid perlu ditimbang berat.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berkaitan pembelajaran ilmu tajwid membincangkan tentang cabaran dari sudut teknologi yang memfokuskan kepada masalah berkaitan internet akan tetapi fokus utama kajian ini dijalankan adalah berkaitan cabaran dari sudut teknik penyampaian, tahap penerimaan dan kefasihan pelajar. Kajian lepas juga terbuka kepada masyarakat luar yang mempelajari ilmu tajwid manakala kajian ini lebih berfokus kepada pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Definisi Kajian

Penggunaan istilah dalam sesuatu kajian perlulah digariskan secara konkrit dan terperinci mengenai maksud tertentu bagi mengelak kekeliruan dan salah faham yang boleh berlaku kelak. Maka di sini, digariskan beberapa perkataan yang mungkin akan menimbulkan kekeliruan.

Definisi Ilmu Tajwid

Perkataan tajwid (جَوْدٌ, terbitan kata kerja جَوَّدَ jawwada) ialah memperbaiki, menjadi lebih baik (Abd. Rauf Dato' Haji Hassan, 2005). Dari segi bahasa pula, tajwid ialah mengelokkan atau mencantikkan(An-Nadawi, 2007).

Manakala, menurut Imam Ibn Al-Jazari (1998) dalam kitabnya definisi tajwid bagi sudut istilah ialah suatu ilmu untuk mengetahui cara bagaimana melafazkan atau mengeluarkan sesuatu huruf dari tempat keluar huruf-huruf itu dan menjelaskan hak-hak sesuatu huruf itu sama ada hak-hak huruf itu yang asli atau mendatang secara tepat.

Dalam talian

Dalam talian (online – Bahasa Inggeris) merujuk kepada sambungan internet atau sambungan serta rangkaian komputer. Dengan kata lain, ia adalah keadaan sambungan yang disambungkan ke internet.

Pembelajaran dalam talian

Maksud pembelajaran dalam talian ialah sebarang bentuk pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan melalui penggunaan teknologi digital. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan menggunakan media ini mempunyai grafik visual, perkataan, animasi, video ataupun audio. Disamping itu, ia juga menyediakan kemudahan seperti kemudahan dalam bentuk pembelajaran secara berkumpulan dan dibantu oleh pengajar dalam bidang tertentu secara dalam talian (Wan Aziaris Aziz, 2015).

Metodologi kajian

Metodologi yang jelas amat penting sebelum menjalankan sesuatu kajian. Metodologi kajian merupakan satu pendekatan saintifik yang digunakan untuk mencari jawapan atau penyelesaian kepada sesuatu masalah yang hendak dikaji. Pengkaji dapat menerangkan kaedah yang digunakan untuk menyiasat sesuatu masalah melalui metodologi kajian.

Metode kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk **kajian kuantitatif**. Pengkaji terlebih dahulu mendapatkan penyelia tentang kajian yang ingin dijalankan sebelum sebarang penyelidikan dimulakan. Setelah mendapat pengesahan, pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai reka bentuk kajian. Borang soal selidik yang telah dibuat akan diedarkan kepada responden iaitu beberapa orang pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) secara rawak melalui Google Form. Kajian soal selidik ialah kaedah mengumpul maklumat dengan bertanyakan satu set soalan kepada satu sampel individu yang dipilih daripada populasi yang hendak dikaji. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk mengumpul dan mengenalpasti data daripada pelajar yang berkaitan dengan isu dan cabaran pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian. Setelah itu, data atau maklumat yang diperolehi daripada responden yang menjawab borang soal selidik akan dikumpulkan sebelum dianalisis dan kesimpulan akan dibuat berdasarkan hasil dapatan kajian.

Perbincangan dan Dapatan Kajian

Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan dapatan kajian yang diperoleh daripada pengkaji berdasarkan analisis yang dilakukan sepanjang tempoh kajian. Kaedah yang digunakan merupakan analisis hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada maklum balas responden terhadap borang kaji selidik yang diedarkan kepada mereka.

Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan 52 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Soal selidik bahagian A adalah untuk mengetahui latar belakang responden berdasarkan tiga perkara jantina, fakulti dan tahun pengajian dan analisis yang digunakan adalah berbentuk analisis deskriptif kekerapan dan peratusan.

Seterusnya, bahagian B pula untuk melihat kefahaman dan pandangan responden terhadap isu dan cabaran ketika belajar secara dalam talian.

Hasil dapatan kajian dapat dirujuk seperti di Jadual 1 iaitu terhadap demografi responden bagi kajian ini:

Jadual 1: Analisis Demografi

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Perempuan	30	57.7%
Lelaki	22	42.3%
Fakulti		
FPQS	28	53.8%
FPBU	1	1.9%
FSU	8	15.3%
FKP	7	13.5%
FEM	2	3.8%
FST	6	11.5%
FKAB	-	-
FPSK	-	-
Tahun Pengajian		
Tahun 1	8	15.4%
Tahun 2	16	30.8%
Tahun 3	11	21.2%
Tahun 4	17	32.7%

Jumlah keseluruhan responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah seramai 52 responden dan mereka merupakan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang dipilih secara rawak oleh pengkaji. Berdasarkan analisis demografi yang ditunjukkan, jumlah responden lelaki adalah seramai 22 orang iaitu (42.3%), manakala responden perempuan adalah seramai 30 orang iaitu (57.7%).

Analisis demografi bagi fakulti adalah berbeza iaitu bagi FPQS seramai 28 orang iaitu (53.8%), 1 orang responden FPBU (1.9%), FSU seramai 8 orang (15.3%), 7 orang responden dari FKP (13.5%), 2 orang responden dari FEM (3.8%) dan FST seramai 6 orang responden(11.5%). Manakala tiada responden dari FKAB DAN FPSK.

Lantaran itu, analisis demografi bagi tahun pengajian merujuk kepada Tahun 1,Tahun 2, Tahun 3 dan Tahun 4. Kekerapan bagi Tahun 1 adalah seramai 8 orang iaitu (15.4%), Tahun 2 seramai 16 orang iaitu (30.8%), Tahun 3 seramai 11 orang iaitu (21.2%) dan Tahun 4 seramai 17 orang (32.7%).


Analisis Data

Bahagian B Pandangan Terhadap Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian.

Carta Pai 1

1. Adakah anda mempunyai kesulitan dalam melafazkan huruf dengan makhray yang betul semasa membaca Al-Quran?

52 responses




Carta Pai 1 menunjukkan pecahan bagi jawapan responden terhadap soalan yang diajukan dalam borang kaji selidik yang berkait rapat dengan tahap kesulitan dalam melafazkan huruf dengan makhray yang betul semasa membaca Al-Quran. Segelintir responden iaitu seramai 12 orang menyatakan tidak kerana mereka sukar untuk melafazkan dengan baik. Tuntasnya, rata-rata responden dapat melafazkan huruf Al-Quran melalui makhray yang betul.

Carta Pai 2

2. Bolehkah anda memberikan pendedahan mengenai ilmu tajwid dalam pembacaan Al-Quran kepada orang lain?

52 responses




Carta Pai 2 pula memaparkan demografi bagi jawapan responden terhadap kemahiran pendedahan mengenai ilmu tajwid dalam pembacaan Al-Quran kepada orang lain. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, sebanyak 71.2% menjawab Ya manakala sebanyak 28.8% menjawab Tidak. Tegasnya, dapat dilihat bahawa majoritinya dapat memberikan pendedahan ilmu tajwid.

Carta Pai 3

3. Apakah cabaran yang anda hadapi semasa pembelajaran Ilmu Tajwid secara dalam talian?

52 responses




Carta Pai 3 pula menunjukkan cabaran yang akan dihadapi ketika sesi pembelajaran ilmu tajwid iaitu cabaran internet lemah, peranti yang terhad dan persekitaran yang tidak kondusif. 25% dari responden memilih persekitaran yang tidak kondusif sebagai cabaran manakala 30.8% dari responden memilih internet lemah. Pada 44.2% responden memilih peranti yang terhad sebagai cabaran dan menunjukkan bahawa peranti membawa peranan penting ketika pembelajaran secara dalam talian.

Carta Pai 4

4. Apakah kesan masalah tersebut terhadap pembelajaran anda ketika kelas Ilmu tajwid secara dalam talian?

52 responses




Carta Pai 4 diatas menunjukkan kesan masalah yang dinyatakan terhadap pembelajaran ilmu tajwid. Seramai 28.8% memberi pandangan tidak dapat mengikut bacaan guru Al-Quran dengan betul dan sejumlah 48.1% responden memberi jawapan iaitu kurang memberikan fokus yang sepenuhnya ketika kelas berjalan manakala 19.2% menyatakan kefahaman dalam apa yang disampaikan oleh guru kurang ketika belajar ilmu tajwid secara dalam talian.

Carta Pai 5

5. Adakah pembelajaran Ilmu Tajwid secara dalam talian membantu anda lebih mengenal dan memahami tentang sifat-sifat dan makhraj huruf?

52 responses




Carta Pai 5 diatas memaparkan tentang pandangan responden tentang pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian membantu responden dalam mengenal dan memahami tentang sifat-sifat dan makhraj huruf. Dalam dapatan kajian ini, seramai 92.3% memilih jawapan Ya manakala 7.7% memilih tidak. Tuntasnya, dapat dilihat bahawa pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian membantu dengan lebih baik terhadap responden.

Carta Pai 6

6. Pada pendapat anda, sejauh manakah keberkesanannya pembelajaran Ilmu Tajwid secara dalam talian?

52 responses




Carta 6 diatas menunjukkan pandangan berbeza daripada responden mengenai tahap keberkesanannya pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian. Peratusan bagi responden yang memilih tahap sangat berkesan seramai 48.1% begitu juga dengan peratusan tahap kurang berkesan iaitu 48.1%. Bagi tahap kurang berkesan, peratusannya hanya 3.8%. Tuntasnya tahap keberkesanannya pembelajaran ilmu tajwid adalah tinggi.

Graf Bar 1

7. Pada pendapat anda, apakah cara yang terbaik bagi mempelajari Ilmu Tajwid, adakah dengan cara talaqqi atau belajar secara dalam talian (online)?

 Copy

50 responses



Graf Bar 1 diatas menerangkan akan pendapat responden melalui pemilihan terhadap cara yang terbaik bagi mempelajari ilmu tajwid iaitu dengan cara talaqqi atau belajar secara dalam talian. Pada graf ini majoriti bersetuju dengan kaedah talaqqi dengan peratusan yang lebih tinggi. Manakala yang selebihnya bersetuju dengan cara belajar secara dalam talian dan bersetuju dengan kedua-dua cara.

Kesimpulan dan Cadangan

Pengajaran secara maya ataupun secara dalam talian adalah platform baru untuk para pelajar bagi menuntut ilmu al-Quran. Justeru, teknik pengajaran ini merupakan satu cabaran besar baru kepada guru al-Quran dan para pelajar pada masa kini. Isu utama adalah kelemahan liputan internet yang akhirnya memberi kesan kepada permasalahan lain seperti tidak dapat mengikut kelas dengan baik, tidak dapat fokus kepada pengajaran guru, tidak dapat mendengar sebutan dan bacaan guru dengan jelas dan guru tidak dapat membetulkan bacaan pelajar dengan lebih baik dan tepat. Keadaan ini menimbulkan beberapa kekangan kerana pelajar tidak dapat fokus kepada pembetulan yang dibuat oleh pensyarah manakala pihak pensyarah pula tidak dapat mendengar bacaan pelajar dengan jelas di samping kekangan kebolehcapaian internet kedua-dua belah pihak. Seterusnya, ia memberi banyak kesan dan masalah kepada pelajar sewaktu mengikuti pembelajaran secara maya seperti kurang memberikan perhatian sepenuhnya sewaktu pembelajaran kerana keadaan sekitar yang kurang kondusif.

Di samping itu, pelaksanaan pembelajaran ilmu Tajwid secara dalam talian ini memerlukan kesabaran yang tinggi sama ada di pihak guru atau pelajar. Secara keseluruhannya, terdapat banyak isu dan kekangan yang dihadapi oleh pensyarah terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian khususnya kursus berkonsepkan al-Quran. Antara cabaran yang dinyatakan adalah seperti masalah akses internet, emosi dan persekitaran yang kurang kondusif serta kekangan masa. Mengikut analisis keberkesanan pengajian ilmu tajwid secara dalam talian, terdapat satu soalan iaitu soalan kedua terakhir yang menunjukkan nilai skor min yang tinggi iaitu 48.1%. Dapatkan ini disebabkan oleh reaksi responden terhadap keberkesanan pengajian ilmu tajwid secara dalam talian adalah tidak seimbang kerana mereka mempunyai cara dan persepsi tersendiri untuk menentukan kaedah pengajian mereka, sama ada secara bersemuka mahupun di alam siber. Mereka juga berpendapat bahawa belajar secara dalam talian kurang memberikan maklumat yang berkesan. Selain daripada itu, umum mengetahui bahawa pengajian al-Quran atau ilmu tajwid adalah lebih baik dijalankan secara bertalaqqi berbanding dalam talian. Hal ini kerana cara sebutan dan makhraj bacaan Quran murid perlu diperbetul oleh guru bagi mencapai objektif pembelajaran. Kesalahan yang dilakukan oleh murid sukar dikesan jika pembelajaran dilaksanakan dalam talian terutamanya pada huruf-huruf yang sukar disebut dengan cara yang betul seperti huruf dhod, zho , tha dan

lain-lain. Di samping itu, suasana di rumah yang tidak kondusif juga membantutkan proses pengajaran. Seperti yang kita ketahui, mempelajari ilmu tajwid seperti makhraj-makhraj huruf amatlah memerlukan konsentrasi yang tinggi dan jauh daripada gangguan. Hal ini menyebabkan, pelajar yang berada di rumah sukar menumpukan perhatian sewaktu belajar.

Diharapkan kajian ini dapat menjelaskan isu yang dihadapi oleh pelajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid dalam talian bagi dan pelbagai pihak perlu mengambil berat juga dari sudut pandang dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar agar sesi pembelajaran dan penyampaian ilmu tetap dapat dilaksanakan dengan baik sekalipun dalam tempoh pandemik Covid-19. Malahan, keadaan semasa yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini merupakan suatu alternatif baru dalam sistem pembelajaran abad ke-21. Kajian tentang cabaran pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian ini perlu diperluas lagi ke peringkat kolej dan universiti. Selain kekangan liputan yang menjadi persoalan utama yang dikemukakan oleh pelajar dan pensyarah, kekangan kemahiran penggunaan alat elektronik serta aplikasi interaktif perlu diketengahkan bagi penambahbaikan pengajaran ilmu tajwid secara atas talian. Pelbagai pihak perlu berganding bahu bersama dan usaha penambahbaikan perlu diketengahkan dalam menangani isu yang berbangkit bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian di musim pandemik Covid-19 ini bukanlah suatu halangan. Terdapat cadangan daripada pensyarah agar mewujudkan platform yang lebih mesra bagi menyokong kaedah pengajaran dan pembelajaran norma baharu ini. Ia perlulah dilaksanakan secara kerap dan mestilah melibatkan semua pensyarah. Kursus seumpama ini perlulah membekalkan sebanyak mungkin kaedah PdP yang berguna untuk pelaksanaan pembelajaran dalam talian khususnya dalam suasana norma baharu.

Rujukan

- Abd Hamid, H., Narowi, M., Khairundin, S. A. A., & Khalid, M. F. (2022). Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Dalam Situasi Norma Baharu Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Pensyarah Universiti Selangor: Isu Dan Cabaran: Al-Quran Teaching and Learning in The Covid-19 Pandemic New Norm Situation: Issues and Challenges Among Universiti Selangor Lecturers. *Sains Insani*, 9-14.
- Abdul Hakim bin Mahadzir, A. H., bin Othman, W. M. A. I., & binti Zulkifly, S. Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian: Cabaran Dan Kesannya Terhadap Prestasi Hafazan Pelajar Di Unishams.
- Abd. Rauf Dato' Haji Hassan; Abdul Halim Salleh; Khairul Amin Mohd Zain (2005). *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar
- Abd Razak, S. R., Mohamad, N., Ibrahim, S. Z., & bin Rosman, S. Z. Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Al Quran Secara Atas Talian Semasa Pasca Pandemik Covid-19 di KUIS.
- An-Nadawi, S. S. H. (2007). *Ilmu Tajwid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Apakah Maksud Dalam Talian? – Definisi Penuh. (2022). Diambil pada 25 November 2022 dari <https://caritekno.com/definisi-dalam-talian/>
- Apakah WiFi dan Bagaimana Ia Berfungsi?. (2022). Diambil pada 26 November 2022, dari <https://ms.ymcaratrace.com/what-is-wifi-how-does-it-work>
- Ibrahim, M. A. (2020). Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Interaksi Pensyarah Dan Pembelajaran Kursus Tafsir Al-Quran Dalam Suasana Pandemik Covid-19.
- Ismail, A., Osman, K., & binti Hassan, N. H. (2020). Cabaran pengajaran dan pembelajaran tasmik hafazan al-Quran secara atas talian sewaktu pandemik covid-19. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*, 110-116.

- Hasin, A., Alias, N., & Daud, Z. (2020). Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Di Era Covid-19: Satu Tinjauan Menurut Perspektif As Sunnah.
- Hasin, A., Daud, Z., & Alias, N. (2020). Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Dalam Fasa PKP: Kajian Di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hasnah Hussiin, (2022), Rumusan Permasalahan dan Cabaran Pelajar UMP dalam Menjalani Pembelajaran Secara Dalam Talian. UMP NEWS. Diambil dari <https://news.ump.edu.my/index.php/experts/rumusan-permasalahan-dan-cabaran-pelajar-ump-dalam-menjalani-pembelajaran-secara-dalam>
- Maarif, V., Nur, H. M., Rahayu, W., Informatika, M., & Informatika, T. (2018). Aplikasi pembelajaran ilmu tajwid berbasis android. *Jurnal Evolusi*, 6(1), 91-100.
- Marzuki, M. A., & Ummah, S. C. (2020). *Dasar-dasar Ilmu Tajwid*. Diva Press.
- Masyuri Binti Suhaimi (2019), Penggunaan Pembelajaran Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sabah kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Diambil pada 22 Disember 2022, dari file:///D:/Downloaded/library-document-1319.pdf
- Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al-Jazari (1998), al-Nasyr fi al-Qira’at al-‘Asyr, Beirut, Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah.
- Hambali, H., Rozi, F., & Farida, N. (2021). Pengelolaan Pembelajaran Ilmu Tajwid Melalui Media Audio Visual. *NATURALISTIC: Jurnal Kajian Penelitian Pendidikan dan Pembelajaran*, 5(2), 872-881.
- Wan Aziaris Aziz (2015), *Pembelajaran Atas Talian (EPSA, Coursera, EDX, Futurelearn)*, Diambil pada 26 November 2022, dari <http://www.ukm.my/wadahict/pembelajaran-atas-talian-epsa-coursera-edxfuturelearn/>